

# Pembangunan eko lestari misi MPJ

Liana Sahabudin

**SERI NEGERI** - Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Mohd Shaiful Hizam Johan mahu meneruskan misi membangunkan projek-projek bercirikan eko lestari di daerah itu.

Mohd Shaiful Hizam yang baru dilantik menerajui MPJ berkata, misi eko lestari itu akan difokuskan di kawasan atau zon sekitar Jasin dan Merlimau yang sedang pesat membangun ketika ini.

"Saya akan menggandakan usaha agar hala tuju pembangunan Jasin seperti digariskan dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Jasin 2035, dilaksanakan sepenuhnya.

"Kita akan pastikan pembangunan sekitar Jasin dan Merlimau yang sedang pesat ketika ini dilaksanakan dengan terancang dan terusun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengangkat sumpah sebagai Yang Dipertua MPJ di hadapan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh pada Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua MPJ Ke-9 di Seri Negeri, 23 Mei lalu.

Hadir sama menyaksikan majlis itu adalah Pega-



wai Kewangan Negeri yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Salhah Saleh; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Abdul Aziz Engan serta Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.

Yang turut hadir Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Zulkiflee Mohd Zin; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datin Sapiah Haron serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), TPr. Saifuddin Abdul Karim.

Mohd Shaiful Hizam merupakan seorang penjawat awam yang tidak asing



**MOHD Shaiful Hizam menyampaikan cenderahati kepada Ab Rauf pada Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua MPJ Ke-9 di Seri Negeri. Foto Iqmal Haqim Rosman**

dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dan pernah memegang pelbagai jawatan penting termasuk sebagai

Setiausaha MPJ pada 2008. Antara jawatan lain pernah digalas beliau adalah Ketua Penolong Setiausaha

Kerajaan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka; Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Perdana Menteri

dan Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Melaka dari Ogos 2022 hingga Mei 2024.